



## KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD (225943-T)

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (lelaki sahaja) yang berkelayakan untuk mengikuti program latihan berikut:

### PELATIH JURUTEKNIK AWAM JABATAN KEJURUTERAAN LANDASAN

Calon-calon yang terpilih akan dikehendaki menjalani latihan untuk tempoh selama 9 bulan di Akademi KTMB (MyRA) Batu Gajah, Perak. Calon-calon yang berjaya menamatkan latihan dan lulus dalam peperiksaan yang ditetapkan, akan dipertimbangkan untuk ditawarkan bagi mengisi kekosongan jawatan Juruteknik Awam gred J07G10.

#### SPESIFIKASI TUGAS

- Menjalankan kerja-kerja survey serta pemantauan penyenggaraan landasan, sisian-sisian, terowong, , jambatan-jambatan dan pembentong peparitan dan lain-lain.
- Menjalankan pemeriksaan berkala kepada landasan, sesimpang dan lintasrata.
- Menjalankan kerja bancian (prospection) kepada bahan-bahan landasan untuk tujuan perancangan tahunan.
- Menyelia kerja-kerja berkaitan pembaikan mesin-mesin penyelenggaraan landasan dan yang berkaitan.
- Menjalankan kerja-kerja pemeriksaan menggunakan kaedah ultrasonik dan *Non-Destructive Testing* (NDT) yang berkaitan.
- Menjalankan kerja-kerja kecemasan seperti tanah runtuh, banjir dan lain-lain.

#### KELAYAKAN

- Mempunyai Sijil Kejuruteraan Awam/Mekanikal/Mekatronik/Elektrik & Elektronik dari Politeknik atau Sijil Kemahiran Tahap 3 dalam bidang berkaitan dari institusi yang di iktiraf dan setaraf. *Calon-calon yang memiliki Diploma Kejuruteraan dalam bidang berkaitan seperti di atas dari Universiti/Politeknik digalakkan memohon.*
- Berusia 19 tahun dan ke atas tetapi tidak melebihi 28 tahun pada tarikh tutup iklan.
- Boleh berkomunikasi dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- Sihat tubuh badan dan mempunyai penglihatan yang baik serta tidak buta warna.
- Berpengetahuan dalam penggunaan Aplikasi Komputer Microsoft (Word/Excel/ Asses/Power Point) serta Aplikasi Auto Cad dan mempunyai pengalaman kerja berkaitan dengan Kejuruteraan Awam adalah satu kelebihan.

#### KELAYAKAN CALON DALAMAN

- Mempunyai Sijil Kejuruteraan Awam/Mekanikal/Mekatronik/Elektrik & Elektronik dari Politeknik atau Sijil Kemahiran Tahap 3 dalam bidang di atas dari institusi yang di iktiraf dan setaraf;
- Telah disahkan dalam perkhidmatan serta berkhidmat melebihi 3 tahun di dalam Gred G12; **DAN**
- Umur tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup iklan.

Calon-calon yang berjaya akan dikehendaki menandatangani kontrak perkhidmatan selama 5 tahun dengan KTMB.

Pemohon yang berminat boleh mengemukakan permohonan melalui KTMB e-Recruitment di [LINK](#) tidak lewat dari **15 Januari 2023**. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Perancangan & Pengambilan Bakaf, Jabatan Modal Insan, Keretapi Tanah Melayu Berhad di 03-2263 1137. Hanya calon – calon yang berjaya dalam senarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga.

